

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Kajian ini melihat masalah lexis dan budaya sebagai masalah utama dalam proses penterjemahan. Dalam bab 3 ini, penulis membincangkan metodologi yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Perkaedahan dan pendekatan kajian, taksonomi kajian, pengenalan model Lefevre (1992), Florin (1993), Baker (1992), El-Sieny *et al.* (1996), persampelan dan penganalisan data secara kuantitatif dan kualitatif akan dijelaskan.

#### 3.1 Perkaedahan dan Pendekatan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tertumpu yang difokuskan terhadap dua bab pertama karya terjemahan PIB. Analisis tertumpu dilakukan terhadap Bab 1 dan Bab 2 karya PIB. Bab 1 berjudul "Barat Laut Afrika dan Mesir" sementara Bab 2 pula berjudul "Syam". Sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1, rasional penulis memilih dua bab ini adalah kerana:

- **Konsistensi:** Dalam penterjemahan, penterjemah perlu konsisten dari segi teknikal dengan kaedah dan strategi yang digunakannya. Semua kaedah, teknik dan strategi mesti diterapkan terlebih dahulu dalam bab-bab yang terawal. Selepas itu, penterjemah akan mempunyai sejumlah penyelesaian penterjemahan yang standard yang perlu diterap dan diselaraskan dalam

keseluruhan teks terjemahan. Dengan demikian, barulah koheren atau keteraturan fikiran dalam teks terjemahan dapat dipelihara dengan baik.

- Mengenal pasti masalah penterjemahan: Dua bab pertama tersebut dapat memberikan gambaran tentang bentuk-bentuk masalah yang timbul dalam penterjemahan keseluruhan teks RIB.

Oleh itu, data-data yang dianalisis daripada dua bab pertama ini dapat memberikan persampelan yang baik tentang masalah penterjemahan yang terkandung dalam teks RIB.

Dalam menghadapi masalah penterjemahan RIB tersebut, penulis-penterjemah perlu melalui proses yang penting dalam amalan penterjemahan iaitu proses membuat pilihan atau keputusan (*decision making*). Dalam konteks ini, penulis-penterjemah telah menerapkan kaedah yang diadaptasi daripada Corbin (1980) iaitu:

- *problem identification* (mengenal pasti masalah)
- *problem clarification* (menjelas atau menghuraikan masalah)
- *information collection* (mengumpul maklumat)
- *deliberation in how to proceed* (mempertimbangkan bagaimana harus diteruskan)
- *moment of choice/decision making* (saat membuat pilihan/ membuat keputusan)
- *post-choice behaviour (evaluation)* (lakuan lepas pemilihan (penilaian))

### 3.1.1 Kaedah Kajian

Penulis menganalisis karya asal RIB (1964) dalam BA dari halaman 115 (14) hingga halaman 109 (109) dan terjemahannya iaitu PIB (2000) dalam BM dari halaman 15 hingga halaman 127. Penulis kemudiannya mengumpul, menyenaraikan semua item leksikal yang bermasalah dan seterusnya membahagikannya kepada tiga klasifikasi dengan menggunakan taksonomi tertentu yang dibina oleh penulis untuk mengkaji masalah-masalah makna tertentu. Taksonomi tersebut ialah:

- Makna denotasi – penulis menggunakan taksonomi Florin (1993)
- Makna konotasi – penulis menggunakan taksonomi Baker (1992)
- Makna idiomatik – penulis menggunakan taksonomi El-Sieny *et al.* (1996)

Sebelum klasifikasi dijelaskan secara terperinci, wajarlah disentuh terlebih dahulu tentang kategori makna denotasi dan konotasi. Menurut sarjana terjemahan, leksikal secara keseluruhannya (kata nama, kata kerja, kata sifat nama, kata sifat kerja) mengandungi kedua-dua makna denotasi dan konotasi sekaligus kecuali sebilangan kecil perkataan yang menjadi operator tatabahasa (*grammatical operators*) contohnya *yang, dan, mungkin* dan lain-lain yang hanya mempunyai sedikit makna denotasi dan langsung pula tidak mempunyai makna konotasi (Bell, 1991:99).

Pengertian item leksikal menurut McArthur (1992) ialah suatu unit dalam leksikon atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Bentuknya disusun oleh bunyi dan tulisan atau cetakan manakala kandungannya dibentuk oleh makna dan

penggunaan. Menurut McArthur, terdapat item leksikal yang hanya menunjukkan satu leksem atau makna seperti *penicilin* dan terdapat juga item leksikal yang menunjukkan dua leksem atau makna seperti *crane* yang merujuk burung tertentu atau mesin tertentu dan *bank* yang merujuk tebing sungai atau sejenis institusi kewangan.

Data-data yang akan dikaji dalam kajian ini ialah sejumlah bentuk leksikal yang benar-benar merumitkan penulis-penterjemah khususnya dalam proses pemindahan makna antara budaya bagi makna-makna denotasi dan konotasi yang dikandung oleh bentuk-bentuk leksikal tersebut. Kategori makna idiomatik pula lebih mudah diklasifikasikan oleh sebab ia bersumberkan frasa idiomatik – dalam kajian ini *ta`bir istilahi* BA yang mempunyai ciri dan keunikan tersendiri yang membolehkan ia dikenal pasti.

### 3.1.1.1 Klasifikasi Makna Denotasi

Makna denotasi iaitu makna yang bersifat rujukan, objektif dan kognitif yang dikongsi oleh komuniti pertuturan yang menggunakan bahasa yang dibentuk oleh sesuatu perkataan atau ayat tersebut.

Berdasarkan definisi di atas, kategori makna denotasi ini amat luas. Dalam kajian ini, makna denotasi yang bermasalah akan dipecahkan kepada beberapa kategori, berdasarkan klasifikasi Florin (1993) yang dikemukakan dalam artikelnya, "*Realia in Translation*." Menurut Florin, *realia* merupakan perkataan dan kombinasi perkataan yang menunjukkan konsep, cara hidup, budaya, perkembangan sejarah dan sosial sesebuah negara yang asing bagi negara lain. Oleh sebab *realia* menunjukkan warna dan sejarah tempatan, ia tidak mempunyai

persamaan yang terdapat dalam bahasa lain dan memerlukan pendekatan yang tertentu dalam penterjemahan.

Berdasarkan klasifikasi Florin, kategori leksikal bagi makna denotasi akan dipecahkan seperti berikut:

1. **Tema (*thematic*):** bentuk leksikal dilihat berdasarkan tema-tema yang merangkumi *kehidupan harian, pekerjaan, seni, agama, mitologi* dan *budaya rakyat*. Tema juga boleh merangkumi *ukuran* dan *mata wang* yang digunakan.

Bagi tema seperti *kehidupan harian, pekerjaan, seni, agama, mitologi, budaya rakyat*, Florin memberikan contoh *sarong, sombrero, moccasin, fibula, bungalow, igloo, wigwam, amphora, gyuvetch, rickshaw, fellah, gaucho, kolkhoz, Senn, tarantella, reel, blues, Canzonetta, commedia del ark, Kasperl, yule log, First of May, Valentine*. Bagi tema seperti *ukuran*, Florin menampilkan contoh *ell, verst, morgan, pfund* sementara bagi tema *mata wang* contoh *dime, groschen, half pence* dikemukakan.

2. **Geografi (*Geographical*):** bentuk leksikal dilihat berdasarkan ciri-ciri nasionalitinya dan geografinya.

Klasikasi kategori ini agak relatif bergantung pada ciri-ciri nasionaliti dan kepada bahasa mana leksikal ini tergolong sama ada bahasa sumber atau sasaran atau kedua-duanya sekali. *Realia* (bagi kategori makna denotasi) ini boleh dibahagikan kepada:

- *Realia* kebangsaan (*national realia*) seperti *borschcht* untuk USSR, *goulash* untuk Hungary, *Punch* dan *Judy* untuk England, *Kasperl* untuk Jerman
- *Realia* tempatan (*local realia*) seperti *Senner* untuk orang Austria, *artel* untuk USSR; mikro tempatan seperti *Heurige* untuk Vienna dan *Lord Mayor's Show* untuk London
- *Realia* antarabangsa (*international realia*) yang pada asalnya milik sesebuah negara tetapi telah diserap oleh kebanyakan bahasa seperti *sombrero*, *canoe* dan *skyscraper*
- *Realia* kedaerahan (*regional realia*) seperti *pasha* bagi negara Timur Tengah, *haji* bagi dunia Islam, *voivoda* untuk Bulgaria dan Yugoslavia.

3. **Masa (*temporal*)** : bentuk leksikal dilihat dari sudut pandangan kontemporari/modern dan sejarah. Klasifikasi ini agak kompleks. Contohnya adalah seperti perkataan *toga* yang dahulunya merujuk pakaian Rom lama tetapi kini merujuk pakaian hakim pada zaman modern.

Klasifikasi ini dapat memudahkan penulis-penterjemah mengenal pasti bentuk leksikal yang membawa masalah makna denotasi dalam RIB dan meletakkannya dalam klasifikasi *thematic*, *geographical* atau *temporal*. Hal ini akan memudahkannya memilih strategi dan teknik penyelesaian yang sesuai yang dicadangkan oleh sarjana untuk menterjemahkan item leksikal tersebut.

**Jadual 1****Klasifikasi Florin (1993) : Denotasi**

<b>Tema</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehidupan harian</li> <li>• Pekerjaan</li> <li>• Seni</li> <li>• Agama</li> <li>• Mitologi</li> <li>• Budaya rakyat</li> <li>• Ukuran</li> <li>• Mata wang</li> </ul>
<b>Geografi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebangsaan</li> <li>• Tempatan</li> <li>• Antarabangsa</li> <li>• Kedaerahan</li> </ul>
<b>Masa</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kontemporari/moden</li> <li>• Sejarah</li> </ul>

**3.1.1.2 Klasifikasi Makna Konotasi**

Makna konotasi merujuk pada makna yang bukan bersifat rujukan tetapi *associational* (bersekutu), subjektif dan afektif (ada nilai sentimen dan perasaan). Makna konotasi merupakan makna tambahan kepada makna literal atau makna utama sesuatu perkataan iaitu makna denotasi. Ia merujuk ciri-ciri lain yang digambar atau didokong oleh sesuatu perkataan. Contohnya, ibu dari segi denotasi merujuk seorang wanita yang melahirkan anak tetapi dari segi konotasi membawa maksud perlindungan dan kasih sayang.

Kajian ini menggunakan taksonomi yang dikemukakan oleh Baker (1992) untuk melihat perkataan yang mempunyai perbezaan dari segi makna konotasi antara BA dan BM yang membawa masalah dalam proses penterjemahan RIB-PIB. Model Baker dipilih dalam kajian ini kerana ia ringkas dan tidak begitu kompleks untuk diterapkan. Baker merumuskan dua klasifikasi dalam masalah

penterjemahan makna konotasi. Pertama ialah yang mempunyai perbezaan konotasi yang sederhana atau kecil antara TS dan TT dan kedua ialah yang mempunyai perbezaan konotasi yang besar antara TS dan TT.

**Pertama** : Perkataan dalam bahasa sasaran mungkin mempunyai makna *propositional* (denotasi) yang sama dengan perkataan dalam bahasa sumber, tetapi ia mungkin mempunyai perbezaan dari segi makna *expressive* (konotasi). Baker menjelaskan bahawa perbezaan mungkin sederhana dan mungkin juga kecil tetapi cukup untuk mencetuskan masalah dalam terjemahan dalam konteks yang tertentu.

Sekiranya padanan dalam bahasa sasaran adalah neutral berbanding item dalam bahasa sumber, penterjemah boleh menambah *evaluative element* (elemen penilai) menerusi *modifier* atau kata kerja jika sesuai, atau dengan membina nilai tersebut di tempat lain dalam teks. Sebagai contoh, perkataan *batter (child/wife battering)* boleh diterjemahkan dengan perkataan bahasa Jepun yang bersifat neutral iaitu *tataku* yang membawa makna 'to beat' dan ditambah dengan *modifier* yang sepadan seperti 'savagely' atau 'ruthlessly'.

**Kedua** : Perkataan padanan dalam bahasa sasaran adalah lebih ketara/tinggi dari segi penilaian emosinya berbanding item dalam bahasa sumber. Menurut Baker, perbezaan dari segi makna *expressive* (konotasi) seperti ini adalah lebih sukar untuk dihadapi oleh penterjemah. Baker menyatakan bahawa inilah kes yang biasa berlaku terhadap item-item (perkataan) yang berkait dengan isu-isu sensitif seperti agama, politik dan seks. Baker memberikan contoh perkataan



*homosexuality* yang dianggap bukan perkataan yang pejoratif dalam BI tetapi padanannya dalam BA, *'shithuth jinsi'* adalah lebih bersifat pejoratif dan sukar digunakan dalam situasi yang neutral kerana ia menerima penentangan yang kuat (daripada masyarakat Islam).

**Jadual 2**

**Klasifikasi Baker (1992) : Makna Konotasi**

<b>Perbezaan kecil/ sederhana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaan dari segi makna ekspresif (konotasi) perkataan adalah kecil atau sederhana tetapi cukup untuk mencetuskan masalah penterjemahan dalam konteks yang tertentu</li> </ul>
<b>Perbezaan ketara</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Padanan dalam bahasa sasaran lebih tinggi dari segi penilaian emosinya berbanding item dalam bahasa sumber. Biasanya pada perkataan yang berkait dengan isu-isu sensitif seperti agama, politik, seks dan lain-lain.</li> </ul>

**3.1.1.3 Klasifikasi Frasa Idiomatik Arab**

Frasa idiomatik atau *ta'bir istilahi* dalam BA ialah komponen bahasa yang mengandungi dua perkataan (*kalimah*) atau lebih, yang menunjukkan makna baru yang bertentangan dengan makna literal yang ditunjukkan oleh perkataan-perkataan yang membentuk makna tersebut. Ungkapan-ungkapan idiomatik pada asalnya ialah perumpamaan (*amthal*). Perumpamaan-perumpamaan ini kemudiannya digunakan oleh masyarakat secara meluas sehingga ia menjadi ungkapan yang idiomatik. Ungkapan-ungkapan idiomatik ini meskipun memberi keunikan dan keistimewaan dalam pengucapan, ia merupakan batu penghalang

dalam memahami sesetengah teks yang dirangkuminya. (El.Sieny *et al.*, 1996;Mukadimah)

Dalam kajian ini, frasa idiomatik diklasifikasikan menurut kategori yang dikemukakan oleh El.Sieny *et al.*(1996) iaitu :

- **frasa idiomatik *fi'liyy*** iaitu frasa idiomatik yang bermula dengan **kata kerja** (*fi'il*). Contoh : عادت المياه إلى مجاريها yang bermaksud *suasana telah pulih setelah mengalami kemusnahan.*
- **Frasa idiomatik *ismiyy*** iaitu frasa idiomatik yang dimulakan dengan **kata nama** (*ism*). Contoh : ابن الليل *ibn al-lail* yang bermaksud *pencuri.*
- **Frasa idiomatik *harfiyy*** iaitu frasa idiomatik yang bermula dengan **huruf** (**kata sendi**). Contoh : برمته yang bermaksud *kesemua* atau *keseluruhan.*

Berdasarkan model Florin untuk makna denotasi, model Baker untuk makna konotasi dan model El-Sieny *et al.* untuk makna idiomatik di atas, data-data bagi 3 kategori makna tersebut yang terdapat dalam Bab 1 dan Bab 2 karya PIB akan dianalisis. Setiap data yang diambil akan dikategorikan berdasarkan model-model tersebut.

**Jadual 3**

**Klasifikasi El-Sieny *et al.* (1996) :Ta`bir Istilahi (Frasa Idiomatik)**

<b>Fi'liyy</b>	• Bermula dengan <i>fi'il</i> (kata kerja)
<b>Ismiyy</b>	• Bermula dengan <i>ism</i> (kata nama)
<b>Harfiyy</b>	• Bermula dengan <i>huruf</i> (kata sendi)

### 3.1.2 Pendekatan Penterjemahan

Penterjemahan karya RIB kepada PIB telah dilaksanakan oleh penulis-penterjemah berdasarkan pendekatan akulturasi (*acculturation*) yang dikemukakan oleh Lefevere dan Bassnett Mc-Guire (1992). Pendekatan ini dipilih kerana ia bersifat sederhana, bertolak ansur dan mempunyai unsur memberi dan menerima (*give and take*). Ciri-ciri ini amat penting khususnya apabila perundingan antara dua budaya perlu dilakukan dalam terjemahan.

Dalam pendekatan akulturasi ini, Lefevere melihat terjemahan sebagai suatu proses pertukaran atau perundingan (*negotiation*) antara dua budaya. Akulturasi berperanan menyelesaikan masalah pertentangan dunia wacana antara dua budaya dan percampuran antara keduanya yang boleh mengakibatkan salah faham. Menerusi pendekatan ini, Lefevere mencadangkan perkara-perkara berikut diterapkan dalam kerja-kerja penterjemahan:

- Menangani masalah makna melalui pendekatan integrasi pelbagai ilmu pengetahuan. Lefevere menyatakan bahawa terjemahan bukan suatu bidang yang mudah. Oleh sebab itu, penterjemah perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, seperti linguistik, sejarah kesusasteraan, teori kesusasteraan, sejarah dan budaya. Penterjemahan tidak memetakkan ilmu, sebaliknya menggabungkan semua disiplin ilmu. Penterjemahan memaksa penterjemah melakukan penyelidikan tentang latar belakang teks berulang-ulang kali. Dengan cara ini, penterjemah akan dapat melaksanakan tugas penterjemahan dengan baik.

- Menangani masalah makna dengan melihat konteksnya, berasaskan fakta bahawa masalah dalam penterjemahan bukan sesuatu yang bebas konteks. Malah, teks itu sendiri juga bukan sesuatu bebas konteks. Teks dihasilkan atau dihasilkan semula dalam batasan kesusasteraan tertentu, dengan ciri generik dan stilistiknya sendiri. Konteks sejarah yang melatari teks itu amat penting diberi perhatian kerana dapat mempengaruhi keseluruhan pemikiran teks yang lahir pada zaman tersebut.
- Melihat teks dari sudut makro ke sudut mikro, iaitu dari budaya ke teks dan seterusnya dari struktur teks ke perenggan, baris, frasa dan perkataan. Pada peringkat mikro, penterjemah dapat menggunakan semua teknik linguistik dan hermeneutik yang telah dipelajari. Namun, penterjemah perlu memahami bahawa kemuncak usahanya ialah teks tersebut dengan memberikan perhatian kepada aspek makna berdasarkan budaya dan bukan usaha yang keterlaluan untuk menterjemahkan kata, ayat, dan baris semata-mata. Penterjemah perlu mengetahui kondisi dan kekangan ideologi, bahasa puisi (*poetology*), sosio-budaya dan linguistik dan kekangan berbeza yang mungkin wujud apabila diterjemahkan.
- Memahami dunia wacana TS dengan sebaik-baiknya dan melakukan perundingan antara dua budaya supaya makna yang terdapat dalam TS dapat dipindahkan secara wajar ke teks terjemahan.

### 3.1.2.1 Penyelesaian Masalah Penterjemahan Makna Denotasi – Lefevere (1992) dan Florin (1993)

Dalam “*Translating Literature Practice and Theory in a Comparative Literature Context*” (1992), Lefevere menyatakan bahawa nasib yang baik atau malang mungkin menimpa sesebuah terjemahan hasil daripada pemahaman atau silap pemahaman seseorang penterjemah terhadap dunia wacana teks asal. Walau bagaimanapun, masalah akulturasi cenderung untuk selesai sendiri apabila persekitaran budaya berkembang dengan lebih dekat antara satu sama lain. Lefevere memberi contoh sup *Borscht* yang diterjemahkan daripada kesusasteraan Rusia dihuraikan dalam nota kaki apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah Barat. Walau bagaimanapun, penerangan ini tidak perlu dilakukan lagi selepas 100 tahun apabila sup ini banyak dihidangkan di restoran-restoran di Eropah Barat.

Lefevere memberikan kaedah penyelesaian untuk menterjemahkan perkataan dan konsep yang terikat dengan budaya. Kaedah tersebut ialah **analogi** dan “*calque*” (pinjam terjemah) iaitu dipinjamkan ke dalam teks sasaran dan diterangkan dalam sebuah nota. Penterjemah perlu mengatur strategi dan melihat tahap kebiasaan bahasa sasaran dengan konsep yang dimaksudkan.

Lefevere mengemukakan sebuah contoh. Dalam karya Aristophane *Lysistrata, the spartan herald* ialah “*Skutala Lakonika*” dalam teks asalnya. Penterjemah karya *The Eleven Comedies* mentransliterasikan perkataan itu sebagai “*a Lacedaemonian `skytale*” dan menghuraikannya dengan sebuah nota kaki yang panjang: “*A staff in use among the Lacedaemonians for writing cipher*

*dispatches. A strap of leather or paper was wound round the 'skytale', on which the required message was written lengthwise, so that when unrolled it became unintelligible; the recipient abroad had a staff of the same thickness and pattern, and so was enabled by rewinding the document to decipher the words."*

Lefevere kemudian menyenaraikan contoh-contoh yang menunjukkan berbagai-bagai usaha beberapa orang penterjemah untuk mengakulturasi "*Skutala Lakonika*".

Sutherland memberikan terjemahan "*A Spartan scroll-stick*" sementara Sommerstein pula memberikan "*a standard Spartan cipherod*". Lefevere menyatakan bahawa kedua-dua terjemahan ini tidak dapat memberi gambaran tentang imej benda tersebut dan juga tidak dapat menyampaikan maksud bagaimana mesej-mesej rahsia dipindahkan dalam zaman antikuiti Greek. Dickinson pula memberikan "*A Spartan secret dispatch*" sementara Fitts pula memberikan "*A scroll with a message from Sparta*". Menurut Lefevere, kedua-dua terjemahan ini agak jelas tetapi tidak dapat menyampaikan keadaan bagaimana mesej itu dibawa. Lindsay pula memberikan "*my dispatch cane*" dan Parker menjejaki penterjemah *The Eleven Comedies* bila beliau menterjemahkannya sebagai "*a Spartan epistle*" dan menambah nota kaki. Way pula memberikan "*a Spartan baton*" yang menurut Lefevere tidak dapat menyampaikan apa-apa maksud. Apa yang dinyatakan oleh Way tidak sama dengan apa yang dinyatakan oleh Aristophane.

Menerusi contoh di atas, Lefevere membuktikan dengan jelas tentang kesukaran menterjemah budaya (makna denotasi yang terkandung dalam *Skutala*

*Lakonika*). Lefevere mencadangkan 2 strategi penyelesaian untuk mengatasi kesukaran menterjemah makna benda dan konsep:

- analogi
- pinjam terjemah (*calque*) yang dilengkapi dengan sebuah nota penerangan

Lefevere (1993) yang menulis kata pendahuluan bagi semua bab dalam buku "*Translation as Social Action - Russian and Bulgarian Perspectives*" turut mendokong pendekatan yang dikemukakan oleh Florin dalam artikelnya "*Realia in Translation*" yang terdapat dalam buku tersebut.

Florin membahagikan kesukaran menterjemah makna denotasi leksikal kepada 3 kategori (seperti yang telah dihuraikan dalam taksonomi kajian di atas):

- berasaskan tema (*thematic realia*)
- berasaskan Geografi (*geographical realia*)
- berasaskan masa : sejarah/moden (*temporal realia*)

Florin mencadangkan 5 strategi penyelesaian :

- Transkripsi (pemindahan mekanikal)
- Penggantian (*calque* iaitu perkataan pinjam terjemah)
- Terjemahan *approximate* (isi kandungan makna dikomunikasikan dengan natijah bahawa kehilangan warna dan sejarah tempatan tidak dapat dielakkan)
- Terjemahan fungsional iaitu dengan menggunakan analog
- Penerangan dan huraian - digunakan apabila leksikal tidak boleh dipindahkan dengan apa jua cara.

Menurut Florin, penterjemah selalu berkonfrantasi dengan dilema hendak membuat transkripsi atau mengganti dengan perkataan lain. Florin menjelaskan bahawa persoalan ini bergantung kepada :

- Karakter teks. Dalam sebuah karya kesusasteraan, transkripsi boleh digunakan kerana ia boleh digabungkan dengan penggunaan nota kaki.
- Kepentingan leksikal tersebut dalam konteks. Jika leksikal tersebut asing bagi bahasa sumber, pengarang teks asal akan menghuraikannya dalam karyanya. Sebaliknya, jika leksikal tersebut hanya asing bagi bahasa sasaran, penterjemah yang akan menghadapi kesukaran.
- Ciri-ciri leksikal tersebut. Penterjemah perlu melihat kepada tradisi kesusasteraan, laras bahasa dan kategori mana leksikal itu tergolong sama ada *thematic*, *geographical* atau *temporal*.
- Ciri-ciri bahasa sumber dan sasaran seperti tatabahasa, pembentukan perkataan, tahap penerimaan kata pinjaman terjemahan.
- Pembaca terjemahan. Penterjemah harus tahu siapakah pembaca mereka dan cuba untuk mengatasi dan menebus kekurangan dalam penyampaian makna.

### 3.1.2.2 Penyelesaian Penterjemahan Frasa Idiomatik – El-Sieny *et al.* (1996) dan Baker (1992)

Bagi kategori frasa idiomatik, penulis menggunakan taksonomi El-Sieny *et al.* (1996). Walau bagaimanapun, El-Sieny *et al.* tidak memberikan strategi



penyelesaian khusus untuk penterjemahan idiom. Sebaliknya, ia memberi makna-makna untuk idiom atau *ta'bir istilahi* Arab dan contoh bagi penggunaannya bersesuaian dengan sifatnya sebagai sebuah kamus. El-Sieny *et al.* sendiri menyebut bahawa antara objektif kamus tersebut adalah untuk membantu penterjemah-penterjemah yang mengamalkan kerja-kerja penterjemahan daripada atau kepada BA. Justeru itu, penulis mengemukakan di sini penyelesaian yang menggabungkan strategi yang dikemukakan oleh Baker untuk penterjemahan frasa idiomatik dengan makna bagi frasa idiomatik Arab yang disediakan oleh El-Sieny *et al.* dalam kamusnya .

Baker (1992) mencadangkan pilihan strategi-strategi berikut untuk menterjemah idiom iaitu:

- menggunakan idiom yang serupa dari segi makna dan bentuk
- menggunakan idiom yang serupa dari segi makna tetapi berbeza dari segi bentuk
- menterjemahkan idiom dengan cara parafrasa dan menurut Baker inilah cara yang paling kerap digunakan apabila padanan tidak dapat dicari dalam bahasa sasaran.

### 3.2 Persampelan Data

Karya RIB ialah sebuah karya Arab klasik yang berusia 642 tahun. Diterjemahkan kepada BM, karya terjemahan PIB mengandungi 23 bab. 23 bab tersebut adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 4**  
**Isi Kandungan Karya Pengembaraan Ibn Battutah**

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Pendahuluan Karam al-Bustani: Ibn Battutah (704-779H./1304-1377M.)	1-5
Muqaddimah Ibn Juzayy	6-15
Bab 1 Barat Laut Afrika & Mesir	16-62
Bab 2 Syam	63-128
Bab 3 Dari Damsyik ke Makkah	129-150
Bab 4 Makkah	151-198
Bab 5 Dari Makkah ke Kufah	199-212
Bab 6 Parsi Selatan dan Iraq	213-280
Bab 7 Tanah Arab Selatan, Afrika Timur dan Teluk Parsi	281-322
Bab 8 Asia Kecil dan Laut Hitam	323-412
Bab 9 Turkestan dan Khurasan	413-452
Bab 10 Sind dan Barat Laut India	453-476
Bab 11 Kota Raya Delhi dan Sultan-sultannya	477-509
Bab 12 Sultan Muhammad ibn Tughluq	510-557
Bab 13 Pemerintahan Sultan Muhammad ibn Tughluq	558-584
Bab 14 Ibn Battutah Tinggal di Delhi	585-618
Bab 15 Dari Delhi ke Malabar	619-644
Bab 16 Di Persisiran Pantai Malabar	645-668
Bab 17 Kepulauan Maldives	669-694
Bab 18 Sri Lanka, Ma'bar, Bangladesh, Sumatera, Mul Jawa & Tawalisi	695-736
Bab 19 Negeri China	737-760
Bab 20 Pelayaran Pulang ke Maghribi	761-774
Bab 21 Tiba di Fez	775-786
Bab 22 Kunjungan ke Andalus	787-798
Bab 23 Pengembaraan ke Mali	799-838
Glosari	839-853

Sampel kajian ini ialah bentuk leksikal dan frasa yang terdapat dalam dua bab pertama karya PIB iaitu Bab 1 dan Bab 2. Bab 1 bertajuk “Barat Laut Afrika dan Mesir” sementara Bab 2 pula bertajuk “Syam”. Teks PIB merupakan teks terjemahan sastera pengembaraan, sebuah genre yang cuba dianalisis dalam kajian ini. Teks pengembaraan mengandungi cerita tentang berbagai-bagai pengalaman pengembara dan destinasi-destinasi yang dilaluinya serta berbagai-bagai perkara yang berkaitan. (Sila rujuk lampiran karya asal dan terjemahan Bab 1 untuk mendapatkan gambaran lebih jelas).

Bab 1 dan Bab 2 karya PIB yang menjadi sampel kajian ini merupakan teks BA klasik yang berasaskan bahasa dan ciri-ciri genre sastera pengembaraan. Data-data akan dipilih daripada kedua-dua bab. Penulis hanya memilih perkataan yang terdapat dalam mana-mana perenggan atau tajuk tertentu yang mengandungi makna-makna denotasi dan konotasi yang membawa masalah leksikal dan budaya dalam penterjemahan. Dalam pada itu, hanya frasa yang bertepatan dengan ungkapan idiomatik Arab sahaja yang akan dipilih dan dianalisis.

### **3.3 Pengumpulan dan Penganalisan Data**

Kajian ini dilakukan melalui dua peringkat :

- Peringkat pertama – Huraian Kuantitatif
- Peringkat kedua – Huraian Kualitatif

### 3.3.1 Peringkat Pertama – Huraian Kuantitatif

Dalam peringkat pertama iaitu huraian kuantitatif, penulis menyenaraikan bentuk leksikal yang paling bermasalah kepada penulis-penterjemah. Semua data dianalisis dari segi kategori makna iaitu denotasi, konotasi dan idiomatik. Pada peringkat penganalisan data ini, penulis menggunakan taksonomi-taksonomi Florin(1993), Baker (1992) dan El-Sieny *et al.* (1996). Selanjutnya, statistik mudah digunakan untuk melihat sejauh mana masalah yang dihadapi dalam penterjemahan RIB. Melalui statistik, penulis dapat mengenal pasti kategori mana yang paling banyak menimbulkan masalah dalam penterjemahan RIB.

Dalam jadual statistik tersebut, analisis kekerapan/pengulangan masalah bagi setiap kategori makna akan ditunjukkan. Kekerapan akan dibuat dalam bentuk peratusan. Penulis akan menganalisis sampel Bab 1 dan Bab 2 secara berasingan. Penulis juga membuat perbandingan antara sampel Bab 1 dan Bab 2. Kemudian, penulis menilai kekerapan dalam kedua-dua bab secara keseluruhan dalam bentuk peratusan. Penulis akan menggunakan gambarajah untuk memperlihatkan perangkaan analisis dengan lebih jelas.

Analisis sedemikian diharap dapat memberi gambaran tentang kecenderungan timbulnya masalah daripada kategori tertentu dalam penterjemahan RIB. Analisis silang perbandingan pula dapat memberi gambaran tentang persamaan dan ketidaksamaan masalah terjemahan antara sampel yang berbeza iaitu Bab 1 dan Bab 2. Sementara analisis keseluruhan Bab 1 dan Bab 2 ini akan dapat menjelaskan masalah yang timbul dalam kedua-dua bab dan juga

dapat memberi gambaran tentang masalah yang timbul dalam keseluruhan karya RIB.

### 3.3.2 Peringkat Kedua – Huraian Kualitatif

Dalam peringkat kedua iaitu huraian kualitatif, penulis-penterjemah memilih secara rawak 5 data bagi setiap kategori makna denotasi, konotasi dan idiomatik yang telah disenaraikan pada peringkat pertama untuk dianalisis. Penulis memilih 5 data bagi kategori makna denotasi; 5 data bagi makna konotasi dan 5 sampel bagi makna idiomatik. Keseluruhannya, 15 data akan dipetik daripada keseluruhan data yang telah disenaraikan dan dikenal pasti.

Data yang dikaji ialah leksikal dan frasa bermasalah yang terdapat dalam ayat atau perenggan tertentu. Penulis tidak boleh menganalisis data dengan mengambil perkataan dan frasa tertentu secara bebas konteks semata-mata tanpa memberikan ayat dan perenggan kerana makna tidak dapat diperoleh tanpa melihat konteks dan latar belakangnya yang dapat disingkap menerusi ayat dan perenggan yang mengandungnya bersesuaian dengan pandangan Bell, "*words cannot really be described other than within the sentence*" (1991,103).

Bagi kategori makna denotasi, 5 data yang dipetik akan dikaji dan dipecahkan berdasarkan klasifikasi yang diberi oleh Florin (1992). Klasifikasi tersebut iaitu *thematic*, *geographical* dan *temporal* seperti yang telah dihuraikan dengan lebih lanjut dalam taksonomi kajian.

Bagi kategori makna konotasi, 5 data akan dipecahkan berdasarkan klasifikasi yang diberikan oleh Baker (1992) iaitu pertama, perkataan yang mempunyai perbezaan konotasi yang sederhana atau kecil antara bahasa sumber

dan bahasa sasaran dan kedua, perkataan yang mempunyai perbezaan konotasi yang besar antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Bagi kategori makna idiomatik, 5 data akan dipecahkan kepada makna idiomatik *ismiyy*, *fi'liyy* dan *harfiyy* berdasarkan klasifikasi El-Sieny *et al.* (1996).

Data-data yang dikumpul ini akan dianalisis dari segi masalah lexis dan budaya yang dihadapi, strategi penyelesaian dan pemilihan teknik penyelesaian yang diambil oleh penterjemah. Penilaian akan dibuat terhadap sejauh mana proses pertukaran budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran dapat dicapai oleh penterjemah. Ini penting untuk melihat sejauh mana leksikal dan frasa dapat dipindahkan daripada satu bahasa kepada bahasa lain bersama-sama konsep, dunia wacana, dunia rujukan dan budayanya. Adakah ia memerlukan pendekatan akulturasi, pendomestikan dan pengasingan terjemahan dalam proses penterjemahan tersebut?

Data daripada teks RIB dalam BA akan ditulis bersama data daripada teks PIB dalam BM. Penampilan data dalam bentuk BA dan BM membolehkan pembaca menilai kedua-dua teks, menilai kerumitan masalah lexis dan budaya, menilai kesukaran penterjemahan, menilai padanan terjemahan yang diberikan dan menilai nilai komunikatif yang dapat disampaikan. Perbandingan antara TS dan TT akan memperlihatkan kepada pembaca bahawa terjemahan bukan hanya pemindahan perkataan bahkan pemindahan makna, dunia wacana dan juga budaya.

Dalam melaksanakan analisis ini, beberapa teks utama akan digunakan. Antaranya ialah karya asal RIB dalam BA cetakan Dar Beirut yang diterbitkan pada tahun 1964; manuskrip terjemahan Bab 1 dan Bab 2 PIB dalam BM (yang

dicetak pada April 2000); terjemahan RIB dalam bahasa Inggris oleh Gibb yang berjudul "*The Travels of Ibn Battuta*" (volume 1). Dari segi teori dan pendekatan, kajian ini berpegang kepada karya-karya seperti *Translating Literature Practice and Theory in a Comparative Literature Context* dan *Translation, Rewriting and Manipulation of Literary Fame* (Lefevere, 1992), *Translation as Social Action* (Palma Zlateva, 1993), *In Other Words* (Baker, 1992), *Translation and Translating* (Bell, 1991). Selain itu, kajian ini memanfaatkan kamus-kamus seperti *Al-Mu'jam al-Siyaqi Litta'birat al-Istilahiyah* oleh El.Sieny *et al.* (1996), kamus Arab-Arab *al-Mu'jam al-Wasit* oleh Lunah min al-Muallifin; Kamus Arab-Melayu al-Marbawi oleh Idris al-Marbawi (t.t.), Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1994) dan Kamus *The New Oxford Dictionary of English* (1998). Di samping semua itu, kajian ini juga memanfaatkan naskhah-naskhah manuskrip terjemahan PIB lama yang disunting bersama oleh penulis-penterjemah, Adi Setia Mohd Dom dan Cik Wan Roslili Abdul Majid.